

<p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memiliki Kad Debit PB. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat amnya.</p>	<p>Public Bank Berhad 196501000672 (6463-H)</p> <p>Kad Debit PB Visa Kad Debit PB UTAR Mastercard Kad Debit PB TARC Mastercard Kad Debit PB-Petron Visa</p> <p>Tarikh:</p>															
<p>1. Apakah produk ini?</p>																
<p>Kad Debit PB adalah sejenis alat pembayaran yang membolehkan anda membuat bayaran melalui pemotongan terus daripada akaun kad debit bagi kos barangan pembelian runcit dan perkhidmatan di rangkaian runcit dan perkhidmatan yang mengambil bahagian. Anda dikehendaki mengekalkan akaun kad debit dengan bank dan meyliman wang yang mencukupi sebelum anda membuat pembayaran. Jika anda menutup akaun kad debit anda dengan bank, kad debit anda akan dibatalkan secara automatik.</p> <p>Produk ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.</p>																
<p>2. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?</p>																
<p>(i) <u>Fi Tahunan</u></p> <table border="1" data-bbox="289 1272 1435 1436"> <thead> <tr> <th>Kad</th> <th>Utama</th> <th>Tambahan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kad Debit PB Visa *</td> <td>RM24.00</td> <td>RM12.00</td> </tr> <tr> <td>Kad Debit PB UTAR Mastercard</td> <td colspan="2">Percuma Seumur Hidup tanpa syarat</td> </tr> <tr> <td>Kad Debit PB TARC Mastercard</td> <td colspan="2">Percuma Seumur Hidup tanpa syarat</td> </tr> <tr> <td>Kad Debit PB-Petron Visa</td> <td colspan="2">Percuma Seumur Hidup tanpa syarat</td> </tr> </tbody> </table> <p>* Percuma Seumur Hidup (Kad Utama & Tambahan) - Pengecualian fi tahunan sepenuhnya tahun pertama & tahun-tahun berikutnya berdasarkan minimum 12 kali penggunaan dalam 12 bulan sebelumnya.</p> <p>(ii) <u>Fi Pengeluaran</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Melalui ATM Public Bank / Kaunter di Cawangan PBB : Dikecualikan ✓ Melalui ATM bukan Public Bank (tempatan atau luar negeri) : RM10.00 untuk setiap urusan niaga yang Berjaya <p>(iii) <u>Fi Pengeluaran Tunai bagi Kad Debit PB Visa / Kad Debit PB-Petron Visa (melalui POS)</u> RM1.50 dikenakan bagi setiap urusan niaga Pengeluaran Tunai yang berjaya dibuat di Tempat Jualan (POS) selepas pembelian.</p>		Kad	Utama	Tambahan	Kad Debit PB Visa *	RM24.00	RM12.00	Kad Debit PB UTAR Mastercard	Percuma Seumur Hidup tanpa syarat		Kad Debit PB TARC Mastercard	Percuma Seumur Hidup tanpa syarat		Kad Debit PB-Petron Visa	Percuma Seumur Hidup tanpa syarat	
Kad	Utama	Tambahan														
Kad Debit PB Visa *	RM24.00	RM12.00														
Kad Debit PB UTAR Mastercard	Percuma Seumur Hidup tanpa syarat															
Kad Debit PB TARC Mastercard	Percuma Seumur Hidup tanpa syarat															
Kad Debit PB-Petron Visa	Percuma Seumur Hidup tanpa syarat															

Jumlah maksimum Pengeluaran Tunai adalah sebanyak RM500.00 bagi setiap urus niaga yang berjaya.

- (iv) Fi Pertukaran Bagi Urus Niaga Di Luar Negeri
Urus niaga yang dibuat dalam mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia menggunakan Dolar AS sebagai mata wang asas pada tarikh ia diterima dan/atau diproses pada kadar pertukaran seperti yang mungkin ditentukan oleh Visa International/ Mastercard Worldwide. Selain itu, anda juga perlu membayar Spread Pertukaran Asing sebanyak 1.25% daripada amaun Ringgit Malaysia yang ditukar itu bagi pertukaran urus niaga yang dibuat dalam mata wang asing. Pertukaran mungkin berbeza daripada kadar yang berkuat kuasa pada tarikh urus niaga disebabkan naik-turun pasaran. Kadar yang dikenakan seperti itu adalah terakhir dan muktamad dan Ahli kad hendaklah menanggung semua risiko pertukaran, kerugian, komisen dan caj-caj bank lain yang mungkin terpaksa dibayar.
- (v) Penalti Penggantian Kad
RM10.00
- (vi) Fi Pencarian Rekod Jualan
RM15.00 bagi setiap permohonan
- (vii) Fi Bagi Salinan Cetak Penyata Bulanan
RM1.00 bagi setiap salinan cetak penyata (efektif Mei 2019)
(pengecualian Ahli Kad berusia 60 tahun dan ke atas dan kurang upaya)
- (viii) Fi Permohonan Penyata Tambahan
RM5.00 bagi setiap permohonan
- (ix) Fi Pertanyaan Baki
✓ Melalui ATM Public Bank: Dikecualikan
✓ Melalui ATM bukan Public Bank: RM2.00 untuk setiap urus niaga yang berjaya
- (x) Apa-apa cukai yang perlu dibayar atau dikuatkuasakan.
- (xi) Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (FATCA)
 - FATCA adalah suatu undang-undang yang digubai oleh Kerajaan Amerika Syarikat (A.S.) untuk mengumpul maklumat mengenai pembayar cukai/rakyat/pemastautin tetap atau pemegang kad hijau A.S. atau mereka yang berada lama secara fizikal di A.S. (dipanggil sebagai Orang A.S. atau Orang A.S. Tertentu) untuk melaporkan mengenai pelaburan aset/wang/dana mereka dalam negara di luar A.S.
 - Ini bagi membolehkan Kerajaan A.S. mengutip pendapatan yang boleh kena cukai daripada Orang A.S. Tertentu yang melabur wang mereka di negara-negara selain daripada A.S. di mana aset mereka yang dipegang di dalam akaun kewangan akan dilaporkan kepada Perkhidmatan Hasil Dalam Negeri A.S. (IRS).
 - FATCA mula dikuatkuasakan di Malaysia pada 1 Julai 2014.
- (xii) Standard Pelaporan Bersama (CRS)
 - Lebih daripada 100 buah negara telah menandatangani perjanjian dengan Majlis Pertubuhan Pembangunan dan Kerjasama Ekonomi (OECD), sebuah badan dunia yang membantu kerajaan-kerajaan di seluruh dunia untuk menangani cabaran-cabaran ekonomi, social dan urus tadbir dengan memperkenalkan keperluan baharu untuk mengumpul dan melaporkan

maklumat bagi institusi kewangan untuk membantu memelihara integriti sistem percukaian yang sama seperti FATCA,

- Di bawah CRS, kami perlu menentukan sama ada anda ialah 'pemastautin yang membayar cukai' iaitu dalam negara mana yang anda bertanggungjawab untuk membayar cukai pendapatan.
- CRS mula berkuat kuasa di Malaysia pada 1 Januari 2017.

Bagi Negara-negara yang Berkenaan di bawah CRS sila rujuk www.pbepbank.com

(xiii) Izin Daripada Pelanggan

- Saya dengan ini berjanji untuk memaklumkan Public Bank (PBB) dalam tempoh 30 hari mengenai apa-apa perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pensijilan diri ini salah dengan menyediakan dokumentasi yang diperlukan dalam tempoh 90 hari dari tarikh perubahan.
- Saya mengakui dan bersetuju dengan maklumat akaun saya untuk ditukar dengan pihak berkuasa cukai negara yang berkenaan jika status asing saya berada di bawah bidang kuasa perjanjian antara kerajaan dibawah FATCA dan CRS.
- Saya telah membaca dan memahami peruntukan FATCA dan CRS seperti yang terkandung di sini dan bersetuju untuk terikat dengan peruntukan tersebut.
- Saya mengaku bahawa maklumat yang diberikan dalam borang ini adalah, dengan pengetahuan dan kepercayaan saya yang terbaik, tepat dan lengkap.
- Saya mengaku bahawa Bank berhak sesuai dengan yang dianggap wajar oleh Bank, menolak permohonan atau menutup akaun atau melaporkan akaun tersebut kepada pihak berkuasa cukai yang berkaitan tanpa memberikan apa-apa alasan sekiranya mana-mana maklumat yang diberikan adalah tidak sah, tidak tepat, tidak mencukupi dan tidak lengkap.

3. Apakah terma dan syarat utama?

(i) Rebat Tunai

Kad Debit PB-Petron Visa

- Rebat Tunai Sebanyak 0.5% Bagi Pembelian Petrol dan Bukan Petrol di mana-mana Stesen Servis Petron

Amaun rebat tunai maksimum adalah RM30 bagi setiap kitaran penyata bulanan (pembayaran rebat tunai digabungkan antara Akaun Utama dan Akaun Tambahan).

(ii) Perolehan Faedah

Baki kredit akan memperoleh faedah yang dikreditkan setiap bulan, dikira berdasarkan baki harian dalam Akaun Kad Debit. Kadar faedah mungkin berubah. Sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan kami melalui nombor telefon 03-2176 8000 atau e-mail ke custsvc@publicbank.com.my untuk kadar faedah terbaru yang terpakai.

(iii) Akses Tunai

Akses terus kepada tunai di Visa/Mastercard/Cirrus ATMs di seluruh dunia apabila diperlukan. Di dalam negara, melakukan pengeluaran tunai melalui ATM Public Bank tanpa fi perkhidmatan! Pengeluaran juga boleh dibuat di kaunter di cawangan PBB bagi pengeluaran Cek Jurubank bagi Terbitan Saham Tawaran Awam Permulaan (IPOS) atau pindahan kepada Akaun (Akaun-akaun) Deposit Ahli Kad yang lain.

- (iv) Pindahan Automatik
Untuk lebih fleksibiliti dan untuk mengelakkan kekurangan dana semasa menggunakan kad, Ahli Kad Utama yang memiliki Akaun Deposit Peribadi (Simpanan/Semasa) dengan Bank boleh mendaftar untuk Perkhidmatan Pindahan Dana Automatik. Ia memudahkan pindahan dana secara dalam talian daripada Akaun Deposit yang ditetapkan ke Akaun Kad, sehingga had harian yang ditetapkan terlebih dahulu oleh Bank. Baki kredit dalam kad juga akan ditambah kepada RM200 setiap hari pada penghujung hari.
- (v) Kawalan yang Kerap
Kekalkan baki dalam Akaun Kad Debit yang sesuai bagi memenuhi gaya hidup anda. Bagaimanapun, jumlah minimum sebanyak RM25 perlu dikekalkan dalam Akaun Kad Debit pada setiap masa. Contohnya bagi pembelian sesuatu barang yang berharga RM75, baki minimum dalam Akaun Kad Debit hendaklah tidak kurang daripada RM100. PBeBank.com memudahkan urusan perbankan di mana jua pun setiap hari. Perkhidmatan yang disediakan termasuk pertanyaan baki, pindahan dana, maklumat urus niaga yang dibuat sebelum ini, pembayaran bil GIRO dan lain-lain.
- (vi) Jumlah Pralulus untuk Urus Niaga Petrol di Pam Luar
Jumlah Pralulus sebanyak RM200 adalah diperlukan untuk urus niaga petrol di pam luar di stesen minyak tetapi sesetengah pengendali stesen minyak membenarkan pemilihan jumlah semasa di pam. Jumlah Pralulus akan dicajkan kepada Akaun Kad Debit apabila mengisi minyak. Jumlah pralulus ini akan dibalikkan dan hanya jumlah mengisi petrol yang sebenar akan dicaj ke akaun kad debit apabila Bank menerima jumlah penyelesaian yang sebenar daripada bank yang memperoleh. Purata pegangan bagi pralulus adalah selama 3 hari.
- (vii) Fungsi "Contact-less"
Kad Debit PB Visa
Cara cepat dan mudah untuk membuat bayaran bagi urus niaga dengan hanya 'melambai' kad anda berhampiran dengan alat pembaca tanpa sentuh di kaunter bayaran, tanpa memerlukan tanda tangan atau PIN untuk urus niaga runcit RM250 dan ke bawah.
- (viii) Penyata Bulanan
Penyata bulanan dengan butir-butir mengenai semua urus niaga yang dibuat dalam bulan berkenaan akan diberi kepada Pemegang Kad.

4. Bagaimanakah sekiranya saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

Liabiliti Bagi Urus Niaga Tanpa Kebenaran

Sekiranya kad hilang/dicuri atau digunakan tanpa kebenaran, anda akan dipertanggungjawabkan bagi semua transaksi sekiranya anda:

- (i) melakukan penipuan;
- (ii) melewati-lewatkan untuk memaklumkan kepada Bank dalam tempoh masa semunasabah yang mungkin selepas mengetahui mengenai kehilangan/kecurian atau penggunaan Kad tanpa kebenaran itu;
- (iii) mendedahkan PIN kepada orang lain secara sukarela;
- (iv) menulis PIN pada Kad atau pada apa-apa sahaja yang amat dekat dengan Kad dan yang boleh hilang bersama-sama dengan Kad;
- (v) meninggalkan Kad, atau barang yang didalamnya mengandungi Kad tersebut, tidak mengawasi; dan/atau

(vi) sengaja membenarkan orang lain menggunakan Kad tersebut. Jika siasatan mendapati bahawa anda terbabit dalam menyebabkan pengenaan caj tanpa kebenaran, anda akan dipertanggungjawabkan bagi semua caj berkenaan, termasuk caj kewangan, sama ada sebelum atau selepas Bank menerima pengesahan tersebut. Dengan ini adalah dipersetujui bahawa Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Baki Semasa tidak melebihi jumlah yang ditetapkan oleh Bank.

Nota: Sekiranya anda gagal mematuhi terma dan syarat kad debit ini, kami berhak untuk menamatkan Kad anda.

5. Apakah risiko utama?

Anda mesti memaklumkan kepada Public Bank dengan serta-merta sebaik sahaja anda mendapati bahawa kad debit anda hilang atau telah dicuri. Untuk kehilangan dan kecurian kad, sila hubungi 03-2176 8555. Anda mesti melaporkan kepada Bank dengan serta-merta sekiranya nombor PIN rahsia anda telah diketahui oleh orang lain.

Jika anda ingin tidak menerima Makluman Segera Tentang Urus Niaga Melalui SMS, anda tidak dapat mengambil tindakan segera untuk memaklumkan kepada Bank sekiranya berlaku urus niaga tanpa kebenaran ke atas akaun kad anda.

6. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada Public Bank secara bertulis sekiranya terdapat perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Anda boleh menghubungi Public Bank di :

**Perkhidmatan Kad PB
Public Bank Berhad
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Malaysia.
Tel : 603-2176 8000
Faks : 603-2163 9400
E-mel : custsvc@publicbank.com.my**

7. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan tebus rugi?

Jika anda memerlukan maklumat mengenai kad debit, sila rujuk pada buku kecil maklumat perbankan 'Kad Debit', yang boleh didapati di semua cawangan Public Bank dan laman web www.bankinginfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi Public Bank di:

Perkhidmatan Kad PB
Public Bank Berhad
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Malaysia.
Tel : 603-2176 8000
Faks : 603-2163 9400
E-mel : custsvc@publicbank.com.my
Laman web : www.pbebank.com

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh Public Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di :

Block D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 1-300-88-5465
Fax : 03-2174 1515
E-mail : bnmtelelink@bnm.gov.my

8. Produk-produk kad debit Public Bank lain yang disediakan

- Kad Debit PB Visa Lifestyle
- Kad Debit PB Mastercard Lifestyle
- Kad Debit PB UnionPay Lifestyle

Maklumat yang disediakan di dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 7 Ogos 2020.

Penting: Untuk pemprosesan, sila lampirkan salinan fotostat Kad Pengenalan anda (kedua-dua belah) atau Pasport dan Permit Kerja / Pas Pelajar untuk Bukan Warganegara Malaysia. Sila ambil perhatian bahawa dokumen yang diserahkan tidak boleh dikembalikan.